



KOMPILASI
Anekdote
RAKAMAN NOSTALGIA



Editor
HARIZA MOHD YUSOF

KOMPILASI
Anekdote
RAKAMAN NOSTALGIA



Editor
Hariza Mohd Yusof

PENERBIT USIM
Universiti Sains Islam Malaysia
Negeri Sembilan
2023

Cetakan Pertama 2023

© Hak Cipta Universiti Sains Islam Malaysia

Hak cipta terpelihara, tiada mana-mana bahagian daripada buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau ditukar kepada apa-apa bentuk dengan sebarang cara sekalipun tanpa izin bertulis daripada Penerbit USIM terlebih dahulu.

Karya Penerbitan: Kreatif

Diterbitkan di Malaysia oleh:

PENERBIT USIM

Universiti Sains Islam Malaysia

Bandar Baru Nilai 71800 Nilai, Negeri Sembilan Darul Khusus

Tel: 06-798 6271/6272 | Faks: 06-798 6083

www.penerbit.usim.edu.my | penerbit@usim.edu.my

Penerbit USIM ialah anggota Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) dan Persatuan Penerbit Buku Malaysia (MABOPA)

Dicetak di Malaysia oleh:

PEWARIS GEMILANG SDN BHD

No. 27 G, 16 G, Jalan Putra 8,

Taman Kajang Putra,

43000 Kajang,

Selangor Darul Ehsan

Tel: +603-874 15215 | Faks: 03-798 15215

pewaris.hr@gmail.com

Muka Taip Teks: Times New Roman

Saiz Taip Teks: 11pt

Editor Pengurusan: Hariza Mohd Yusof

Pereka: Amirul Ghazali

Pengatur Huruf: Mastura Haji Abd Wahab




Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari
Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7534-31-2



Dapatkan buku Penerbit USIM secara dalam talian di:

**my
bookstore**
<http://mybookstore.usim.edu.my>

Kandungan

PRAKATA	9
KARYA 1: PENGALAMAN HAJI IFRAD DAN HAJI TAMATUK <i>Fadhilah Ahmad</i>	11
KARYA 2: AKU DAN DIAN PEMBAKAR DIRI <i>Hazlina Abdullah</i>	18
KARYA 3: MELUANGKAN MASA BERSAMA KELUARGA SEPANJANG TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) <i>Ratna Dewi Asmara</i>	23
KARYA 4: AKUKAH MUNAFIK ITU? <i>Cikgu Mohd Yatim Dolir</i>	28
KARYA 5: CAKAP TIDAK SERUPA BIKIN <i>Cikgu Mohd Yatim Dolir</i>	34
KARYA 6: AKU PEJUANG BANGSA <i>Ahmad Nur Azam Ahmad Ridzuan</i>	39
KARYA 7: PENDIDIK! OH! PENDIDIK! <i>Quah Wei Boon</i>	43
KARYA 8: SEBUAH TAKDIR YANG INDAH <i>Aishah Mahat</i>	47

KARYA 9: AKU AHLI AKADEMIK SEPENUH MASA – PUSINGAN KEDUA! <i>Andong Kampil (Musa Ahmad)</i>	51
KARYA 10: HAJI: KENANGAN TERINDAH <i>Nordin Hashim</i>	58
KARYA 11: BUTA HURUF? <i>Nanthini A/P Nadarajan</i>	63
KARYA 12: MENENUN ZAMAN <i>Masriyah Misni</i>	67
KARYA 13: KONTINJEN <i>Susan Kwan</i>	74
KARYA 14: JANJI TUHAN ITU PASTI <i>Jay Nadiya (Diyana Jamari)</i>	81
KARYA 15: SINGKAP POTENSI DIRI <i>M Mascitah Mansor</i>	87
KARYA 16: HENDAK SERIBU DAYA <i>Mohamad Khizar Awang</i>	92
KARYA 17: DAMAI DI HATI <i>Syarizal Abdul Rahim, Norailis Ab. Wahab & Mohd Shahril Nizam Md Radzi</i>	97
KARYA 18: APIT KANAN <i>Zurhan Bakar</i>	102

KARYA 19: PERJUANGAN BELUM LAGI SELESAI <i>Mohd Nizam Salahudin</i>	108
KARYA 20: RUSA MASUK KAMPUNG <i>Cikgu Mohd Yatim Dolir</i>	114
KARYA 21: CIKGU TANDAS? <i>Mohd Nizam Salahudin</i>	122
KARYA 22: TAHUN SATU DULU-DULU <i>Faiziah Haji Shamsudin</i>	126
KARYA 23: KISAH MASAM-MASAM MANIS SEORANG GURU <i>Tg. Norlaila Tg. Ismail</i>	147
KARYA 24: SIBUKKAN DIRI, MENGHARUNGI PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP) DENGAN TENANG <i>Siti Suriani Othman</i>	155
KARYA 25: <i>STAY-AT-HOME SUPERKIDS</i> <i>Rahimah Saimin</i>	161
KARYA 26: <i>AN INSIDE STORY OF AN ASL PRACTITIONER</i> <i>Nurkhamimi Zainuddin</i>	166
KARYA 27: ANAKANDA KEDUAKU GENERASI ALFA <i>Nusima Mohamed</i>	171

KARYA 17
DAMAI DI HATI

*Syarizal Abdul Rahim, Norailis Ab. Wahab & Mohd Shahril
Nizam Md Radzi*

‘Ah, bosannya!’ Detik hati ini tiba-tiba. Memang terasa sangat apabila kita perlu melakukan sesuatu yang di luar jangkaan kita. Dalam pada itu, seorang demi seorang pelajar semester enam subjek Keusahawan Strategik mendaftar masuk ke platform Google Meet ini. Kuliah yang biasa dijalankan secara bersemuka di dalam bilik kuliah kini terpaksa dilakukan dalam talian diadakan semenjak Perdana Menteri mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) beberapa minggu yang lalu.

15 minit telah berlalu, di skrin laptop, aku hanya dapat lihat nama 18 orang pelajar yang daftar masuk. Aku fikir pelajar pun dah mula bosan menghadiri kelas dalam talian ini.

“*Sir*, saya ada soalan,” lamunan sebertarku tadi hilang. Suara pelajar tadi menghilangkan lamunanku. Soalan pelajar tadi rupanya berkenaan mata pelajaran tersebut. Mudah sahaja aku menjawab soalan yang diajukan, berserta dengan penjelasan dan contoh-contoh amalan di industri.

Kelas dalam talian tadi sudah pun selesai seperti biasa. Semua pelajar pun sudah daftar keluar dari platform. Sebaik sahaja mematikan komputer ribaku, fikiranku melayang semula.

Diam tak diam, rupa-rupanya sudah genap tujuh tahun aku bertugas sebagai pensyarah di universiti ini. Kami pensyarah muda ditempatkan di sebuah kontena yang panjangnya 40 kaki ini. Mejaku di sini bersama-sama dengan tujuh pensyarah lain. Nak bergerak ke sana sini pun kena berhati-hati. Oleh sebab ia sebuah kontena, setiap langkah kaki apabila melangkah akan terasa bergetar.